

**SOALAN LAZIM**  
**PROGRAM PELABURAN TABUNG UNIT AMANAH MELALUI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) KEPADA ASNAF**  
**(USAHASAMA MAIWP & PNB)**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Program Pelaburan Tabung Unit Amanah Melalui Amanah Saham Bumiputera kepada Asnaf?	Program ini adalah usaha sama di antara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan objektif untuk memupuk tabiat melabur di kalangan Asnaf menerusi simpanan dalam unit amanah iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB).
2.	Bagaimanakah program ini dilaksanakan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini terbuka kepada Asnaf yang layak dan berdaftar dengan MAIWP, yang mana peserta akan menerima sejumlah pelaburan yang ditentukan oleh MAIWP untuk dilaburkan ke dalam akaun ASB. Kemudiannya pelaburan tersebut akan disekat(blocked) selama lima (5) tahun.</li> <li>• Peserta tidak boleh mengeluarkan pelaburan (unit pokok) yang disekat selama lima (5) tahun, namun boleh mengeluarkan pengagihan pendapatan/atau bonus yang diperolehi menerusi program ini.</li> <li>• Pengagihan pendapatan yang diterima hasil daripada jumlah pelaburan yang disekat ini akan dilaburkan semula ke dalam akaun ASB yang didaftarkan atas nama peserta.</li> <li>• Selepas lima (5) tahun daripada tempoh program bermula, pelaburan (unit pokok) yang disekat akan dilepaskan secara berperingkat mengikut jumlah tertentu dalam tempoh empat (4) tahun ke akaun ASB pelabur Asnaf.</li> </ul>
3.	Bagaimanakah cara permohonan dan apakah kriteria kelayakan untuk menjadi peserta program ini?	<p>Pemilihan peserta program ini dilaksanakan oleh pihak MAIWP dan kelayakan berdasarkan proses saringan dan budi bicara mutlak MAIWP.</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan mengenai prosedur permohonan dan kriteria kelayakan program ini, peserta boleh mengunjungi cawangan MAIWP yang berhampiran atau hubungi talian</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		MAIWP di +6011-6254 2728/ Seksyen Kebajikan, Bahagian Agihan Zakat MAIWP di 03 – 4047 7600 (Samb. 7204/7205/7206).
4.	Bilakah program dan tarikh sekatan unit-unit pelaburan akan bermula?	Program ini bermula apabila transaksi pelaburan dan sekatan unit pelaburan berjaya dimasukkan dalam akaun peserta. Notifikasi SMS akan dihantar kepada peserta apabila pelaburan dalam ASB untuk program ini telah berjaya dilaksanakan dan tarikh transaksi menunjukkan tarikh mula program.
5.	Berapa lamakah tempoh sekatan bagi pelaburan ASB untuk program ini?	Tempoh sekatan unit-unit ASB untuk program ini adalah selama lima (5) tahun . Unit-unit tersebut akan dilepaskan (tersedia) ke dalam akaun peserta bermula tahun keenam mengikut tarikh mula program bagi setiap peserta secara berperingkat.
6.	Bolehkah peserta membuat pelaburan tambahan dalam akaun ASB mereka?	Ya, peserta boleh membuat pelaburan tambahan dalam akaun ASB mereka (atau mana-mana akaun unit amanah ASNB yang lain), tertakluk kepada had kelayakan pelaburan individu.
7.	Apakah yang akan berlaku kepada unit amanah ASB tersebut apabila peserta meninggal dunia?	<p>Prosedur bagi kes kematian adalah mengikut prosedur sedia ada tuntutan harta bagi pemegang unit ASNB berdaftar.</p> <p>Maklumat lanjut berkenaan tuntutan harta pusaka bagi kes kematian boleh didapati di pautan di bawah:  <a href="https://www.asnb.com.my/asnbv2_3services.php#tuntutanhartapusaka">https://www.asnb.com.my/asnbv2_3services.php#tuntutanhartapusaka</a></p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		Untuk sebarang pertanyaan mengenai unit amanah ASB, sila kunjungi cawangan ASNB yang berhampiran, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899 atau e-mel kepada <a href="mailto:asnbcare@pnb.com.my">asnbcare@pnb.com.my</a> .